

# → SIHAT

Info

## Keringkan kawasan kulit terutamanya kawasan lipatan badan dan celah kaki atau tangan

- Selepas mandi
- Mencuci atau mengambil wuduk.
- Pastikan kaki kering

- sebelum memakai kasut.
- Tukar stoking atau baju dalam yang basah.
  - Pakai stokin daripada kapas.
  - Elakkan memakai kasut jenis sintetik yang tidak menyerap peluh. (pilih kasut jenis terbuka dan diperbuat daripada kulit.)



# Kulat punca kurap

## → Serang lapisan keratin kulit, kuku dan rambut

Oleh Halina Mohd Noor  
halina\_mdnoor@bh.com.my

**B**eberapa hari selepas meminjam selipar kawan di tempat kerja, seorang pegawai polis mengalami kegatalan dan ruam pada celah jari kakinya.

Kawasan celah jarinya menjadi lembut, pecah, memutih dan berbau sehingga terpaksa memakai kasut but tertutup sepanjang waktu bekerja.

Ruam menjadi lebih aktif sekiranya beliau bertugas di tempat panas dan sarung kaki turut menjadi lembap kerana berpeluh.

Seorang penjawat awam pula sering mendapat kegatalan dan ruam kulit di kawasan pelipat terutama bahagian ketiak, di bawah payudara, lipatan paha dan punggung.

### Kesan berbintik merah

Kawasan itu berbentuk bulat di mana keliling bucunya merah berbintik dan bersisik.

Beliau yang bertubuh gempal mementingkan pemakaian yang sopan dan

tidak menampakkan bentuk badan selain memakai beberapa lapisan pakaian termasuk *legging*, kain dalam dan jubah tebal.

Beliau sedar ruam naik dengan banyaknya dan menjadi gatal apabila berpeluh.

Pensyarah dan Pakar Dermatologi, Universiti Putra Malaysia (UMP), Dr Kartini Farah Rahim, berkata kedua-dua masalah di atas disebabkan organisme kulat yang lazim dan boleh berjangkit seperti apa yang berlaku ke atas pegawai polis terbabit.

### Suhu panas, lembap tingkat risiko

Kawasan lembap dan panas kata beliau, mudah berpeluh adalah berisiko tinggi bagi kulat ini membiak dan menyebabkan kurap atau *tinea corporis*.

“Kurap boleh berjangkit dengan berkongsi baju, tuala dan kasut dengan orang yang sudah dijangkiti,” katanya.

Mereka yang gemar memakai pakaian atau kasut tertutup, tebal dan ketat serta sistem imun rendah, berisiko terkena jangkitan kulat.

Jenis kulat yang dimaksudkan adalah jenis *dermatofit* yang gemar duduk di lapisan keratin kulit, kuku dan rambut.

Ada jenis kulat yang boleh berjangkit daripada haiwan seperti kucing dan anjing (seperti kurap kepala - *tinea capitis*) dan tanah.

### Kaji sampel kulit

Bagi mengesahkan penyakit ini, doktor akan mengambil sedikit sampel kulit *scraping*, mengajinya dengan melihat di bawah mikroskop seterusnya membuat ujian kultur di makmal.

“Ubat krim, salap atau bedak mengandungi antifungal seperti miconazole, clotrimazole dan terbinafine berkesan membunuh kulat ini jika ia berada di satu tempat saja.

“Jika kulat membiak dengan banyaknya, ubat makan antifungal diperlukan seperti Itraconazole dan Griseofulvin,” katanya.

Bagaimanapun, pesakit perlu berjumput doktor terlebih dulu sebelum mengambil ubat makan ini kerana sesetengahnya adalah toksik kepada hati dan perlu dipantau pengambilannya.

### Keringkan celah kaki

Kawasan yang berair dan berbau seperti celah kaki perlu dikeringkan dengan berendam di dalam air garam atau Potassium Permanganate yang dicairkan ke warna merah jambu yang lembut sehingga kawasan itu kering.

Kemudian kawasan berkenaan boleh disapu semula dengan antifungal.

Elakkan daripada berkongsi baju, tuala dan kasut dengan orang lain yang menghadapi penyakit kulat bagi menghindari kurap berulang.



**Mereka yang gemar memakai pakaian atau kasut tertutup, tebal dan ketat serta sistem imun rendah, berisiko terkena jangkitan kulat”**

**Dr Kartini Farah Rahim,**  
Pakar Dermatologi,  
Universiti Putra Malaysia